

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SEAH LEONG PENG [TELOK INTAN]

TARIKH : 19 MAC 2014

SOALAN :

Tuan Seah Leong Peng [Telok Intan] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah penjawat awam yang telah digaji dan berapa jumlah perbelanjaan kasar yang telah dikeluarkan untuk membayar gaji penjawat awam ini; dan
- (b) apakah ada perancangan daripada Kerajaan untuk mengurangkan jumlah penjawat awam bagi sektor yang tidak produktif daripada segi penghasilan perkhidmatan yang efisien.

JAWAPAN : YB DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada gaji bulan Januari 2014, jumlah perbelanjaan emolumen yang dikeluarkan Kerajaan untuk membayar gaji penjawat awam ialah RM 4.4 billion sebulan atau RM 53 billion setahun.

Dalam mempertimbangkan permohonan penstrukturan semula agensi awam, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) memberi penekanan kepada elemen *outcome* (dengan izin). Jawatan-jawatan yang tidak lagi relevan atau tidak produktif akan dimansuhkan atau ditukar ganti bagi mewujudkan jawatan yang perlu untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan agensi berkenaan.

Selain itu, agensi awam dari semasa ke semasa sentiasa dipastikan dapat memberi perkhidmatan yang efisien dan berkesan melalui pelbagai kaedah. Antaranya melalui program auditan, kajian perbandingan dan turun padang oleh JPA bagi mengenal pasti keperluan sebenar agensi supaya sejajar dengan peranan dan fungsinya sebelum diwartakan dan dikeluarkan Waran Perjawatan.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]

TARIKH : 19 MAC 2014

RUJUKAN : 6518

SOALAN:

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kepada Dewan jumlah penghuni yang berada di dalam penjara-penjara di negara ini dan kos makanan yang disediakan bagi setiap daripada mereka setiap hari.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Statistik Jabatan Penjara Malaysia pada 24 Februari 2014 menunjukkan terdapat seramai seramai 44,316 penghuni yang sedang ditahan atau menjalani hukuman di seluruh institusi penjara Malaysia.

Secara purata kos penyediaan makanan bagi seorang penghuni pada setiap hari ialah RM 7.98. Kos ini adalah rendah kerana makanan berkenaan disediakan sendiri oleh penghuni terpilih dan sihat sebagai satu bentuk latihan kemahiran untuk mereka. Oleh itu kos purata penyediaan makanan sehari bagi seluruh penghuni penjara pada tarikh tersebut adalah berjumlah RM353,641.00.